

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BILANGAN 5 TAHUN 1990

PEMBERIAN MILIK TANAH SECARA BERANCANG BAGI MAKSUD TAPAK RUMAH KEDIAMAN

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memberitahu semua Pentadbir Tanah Jajahan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 21.2.1990 semasa menimbang Kertas Bil. 4/141/90 daripada Jajahan Kuala Krai mengenai cadangan kelulusan dasar bagi pemberian milik tanah untuk maksud kediaman secara berancang telah membuat keputusan bahawa permohonan sedemikian iaitu untuk maksud tapak rumah hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri sebelumnya ia diangkat untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan.

2. Semua Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah mengambil ingatan tentang keputusan ini dan pekeling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Bil. 3/1990 mengenai kelulusan dasar bagi pemberian milik tanah secara berancang.
3. Untuk menyenangkan rujukan Pentadbir Tanah Jajahan, keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan mengenai pemberian milik tanah secara berancang bolehlah dirumus seperti berikut :-
 - (a) Kelulusan dasar bagi pemberian milik tanah secara berancang iaitu untuk maksud pertanian hendaklah terlebih dahulu diangkat kepada Jawatankuasa Tanah Perhutanan dan Hasil Bumi Negeri sebelumnya ia dimajukan untuk pertimbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan – Rujuk perenggan 2 Pekeliling 3/1990.

- (b) Pemberian milik tanah secara berancang untuk maksud tapak rumah kediaman hendaklah terlebih dahulu dirujuk kepada Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri sebelumnya ia diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan.
4. Dalam kedua-dua keadaan itu Pentadbir Tanah dan Jajahan hendaklah menyediakan kertas untuk pertimbangan Jawatankuasa Tanah, Perhutanan dan Hasil Bumi Negeri bagi pemberian milik tanah secara berancang untuk maksud pertanian dan menyediakan kertas kerja untuk rujukan Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan bagi maksud pemberian milik tanah untuk maksud tapak rumah kediaman.
5. Pekeliling ini berkuatkuasa serta-merta.

t.t

(Tengku Elias Bin Tengku Mahmood)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN.

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN
BLOK 3, TINGKAT BAWAH,
KOTA DARULNAIM,
15576, KOTA BHARU**

BERTARIKH : 8HB. APRIL 1990

KEPADA:

Semua Pentadbir Tanah Jajahan, Kelantan.

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Tan Sri Dato' Menteri Besar Kelantan
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan
4. YB. Tuan Penasihat Undang-Undang Kelantan
5. YB. Tuan Pegawai Kewangan Negeri Kelantan
6. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan
7. YABrs. Semua Ketua Jajahan Kelantan
8. YABrs. Pengarah Penyelesaian Tanah Negeri Kelantan
9. YBrs. Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan

FAIL : P.T.G. KN. 16/1/9 (10)